

Uqasha ditahan disyaki miliki 53 pil eramin 5

7 Mei 2018



UQASHA SENROSE

Uqasha ditahan disyaki miliki 53 pil eramin 5

Oleh IZWAN MOHD. ISA
dan NURUL KHAIRIAH MOHAMED YUSOF

KUALA LUMPUR - Pelakon Uqasha Senrose ditahan polis bagi membantu siasatan berhubung penemuan 53 biji pil eramin 5 bernilai RM660 dalam beg tangan Chanel miliknya selepas selebriti itu terlibat dalam kemalangan di Jalan Burhanuddin Helmi, Taman Tun Dr. Ismail (TTDI) di sini semalam.

Kemalangan pada pukul 11.45 pagi itu berlaku ketika pelakon wanita itu memandu kenderaan utiliti sukan (SUV) Range Rover seorang diri telah melanggar kenderaan Honda BRV dipandu seorang lelaki.

Satu sumber berkata, selepas kemalangan itu, Uqasha Senrose atau nama penuhnya Nik

Zaris Uqasha Nik Sen, 26, telah dibawa ke Balai Polis TTDI untuk siasatan.

“Semasa pemeriksaan ke atas pelakon itu, polis menemui enam keping *aluminium foil* (kertas timah) berwarna merah yang kesemua mempunyai 53 biji dadah disyaki jenis eramin 5. Dadah tersebut ditemui dalam beg berjenama mewah selebriti itu,” kata beliau semasa dihubungi malam tadi.

Sementara itu, Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Seri Mazlan Lazim yang dihubungi mengesahkan penahanan seorang pelakon wanita bersama 53 pil dadah jenis eramin 5 bernilai RM660.

Menurut Mazlan, ujian air kencing yang dijalankan terhadap pelakon wanita itu mendapati ia negatif dadah dan artis tersebut

kemudian dilepaskan selepas keterangannya direkodkan.

“Polis akan menghantar 53 pil disyaki dadah eramin 5 ke Jabatan Kimia manakala kertas siasatan berkaitan kemalangan dan penemuan dadah dalam beg pelakon itu akan dihantar kepada Jabatan Pendakwa Raya untuk tindakan lanjut,” kata beliau.

Katanya, kes berkaitan penemuan dadah itu disiasat mengikut Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952.

Sementara itu, Uqasha ketika dihubungi tidak memberi sebarang maklum balas berhubung laporan polis yang mendakwa dirinya memiliki dadah berkenaan dan berjanji untuk menghubungi semula.

“Saya akan hubungi semula,” ujarnya.